Dasar Pengguna Negara 2.0 dilancar suku ketiga tahun ini

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim - Februari 20, 2024 @ 2:45pm
bhnews@bh.com.my



Armizan pada Sesi Dialog Prakarsa Pendayaupayaan Penguna (3P - KPDN) di Dewan Serbaguna, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), hari ini. - Foto BERNAMA

PUTRAJAYA: Dasar Pengguna Negara (DPN) 2.0 yang lebih holistik, mengambil kira situasi perkembangan ekonomi, tuntutan semasa dan keperluan agenda kepenggunaan akan dilancarkan pada suku ketiga tahun ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Armizan Mohd Ali, berkata DPN 2.0 akan dilancarkan bersama Pelan Tindakan Kepenggunaan 2030 (PTK 2030).

Katanya, dasar terbabit berlandaskan tiga teras iaitu penyertaan rakyat, perundangan dan penguatkuasaan serta pendidikan nilai kepenggunaan.

"Dasar Pengguna Negara pertama dilancarkan pada 2002 dan selepas dua dekad, kita akan melancarkan DPN 2.0 dengan penambahbaikan serta pengukuhan kepada dasar sedia ada.

"Dasar ini berteraskan tiga perkara yang menjadi komponen penting kerana kita mahu DPN 2.0 bukan hanya sekadar menjadi satu dasar kerajaan, sebaliknya digerakkan secara menyeluruh," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menghadiri sesi Libat Urus Prakarsa Pendayaupayaan Penggunaa (3P-KPDN) hari ini.

Armizan berkata, DPN 2.0 juga merangkumi penambahbaikan pelbagai aspek termasuk perundangan supaya dapat melindungi hak dan daya ketahanan pengguna.

Perlukah kita ada Lemon Law

"Contohnya aspek yang pernah dibangkitkan ialah 'Lemon Law' yang mana kita akan lihat juga melalui dasar kepenggunaan ini sama ada kita memerlukan perundangan khusus yang terkait dengan undang-undang ini atau kita boleh tambah baik perundangan sedia ada.

"Kita juga akan melihat dari aspek e-dagang dan kecerdasan buatan (AI) kerana banyak perubahan dari aspek asas ekonomi, bukan sahaja di negara ini, malah dunia," katanya.

Kementerian kini sedang melaksanakan libat urus dengan pelbagai pihak khususnya pemegang taruh termasuk badan bukan kerajaan (NGO), wakil media dan pemain industri bagi menambahbaik kerangka draf DPN 2.0.

Sebaik sahaja semua libat urus yang dirancang selesai, satu memorandum akan dibawa kepada Jemaah Menteri untuk persetujuan sebelum dilancarkan pada waktu yang ditetapkan.

"Kita ingin melihat melalui DPN 2.0 ini, teras agenda kita dalam kepenggunaan ialah dapat membuat anjakan yang selama ini bersifat consumer protection (perlindungan pengguna) kepada 'consumer resilience' (daya tahan pengguna)," katanya.

Dalam perkembangan berasingan, Armizan berkata, pihaknya berhasrat untuk menambah perjawatan pegawai penyiasat Suruhanjaya Persaingan (MyCC) dan penguat kuasa KPDN.

"Harapan MyCC dan tuntutannya semakin besar. MyCC ini (dalam) Belanjawan 2024 dah lulus tambahan peruntukan RM10 juta dan tambahan peruntukan ini akan kita guna sebahagian daripadanya untuk memperkukuhkan aspek penyiasatan dalam MyCC.

"Ketika ini kita hanya memiliki 17 pegawai penyiasat MyCC dan insya-Allah dengan tambahan peruntukan itu, kita akan dapat meningkatkan jumlah pegawai penyiasat MyCC," katanya